

InfoWatch is confident to extend its market in Malaysia



InfoWatch yakin mampu kembangkan pasaran

InfoWatch, penyedia perlindungan data global, yakin mampu mengembangkan pasarnya di Malaysia tahun ini, selaras dengan peningkatan kesedaran orang ramai berhubung kepentingan mengelak kebocoran data.

Pengarah Pembangunan Perniagaannya, Andrey Sokurenko, berkata usaha Malaysia untuk menuju negara maju mendorong kepada kemajuan teknologi perniagaan aspek, termasuk sistem perlindungan data.

Sehubungan itu, katanya, sekarang adalah masa terbaik untuk InfoWatch berkembang kukuh di Malaysia berikutan terdapat banyak peluang dan potensi ditawarkan dalam industri perlindungan data.

Maklum balas positif
"Kami sudah bersedia untuk ke arah itu, selain menerima maklum balas positif daripada pelanggan kami di negara ini."

Situasi ekonomi Malaysia yang semakin berkembang, keadaan politik yang stabil dan perkembangan industri di Malaysia turut membantu usaha kami untuk terus bertapak kukuh di negara ini," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Beliau berkata, perkembangan institusi perbankan dan kewangan di Malaysia menyumbang kepada keperluan perkhidmatan perlindungan data.

"Justeru, ia menjadi pemangkin utama kepada InfoWatch untuk menyediakan keperluan itu kepada rakyat di negara ini," katanya.

Andrey berkata, syarikat juga kini sedang membangunkan teknologi baharu untuk perlindungan data pada peranti mudah alih yang akan dipasarkan tahun ini, dengan menyasarkan lebih ramai pelanggan baharu di negara ini.

Menurut InfoWatch, laporan Kebocoran Data Global pada tahun 2014 merekodkan industri perkhidmatan perbankan dan kewangan berisiko tinggi mengalami kebocoran data iaitu lebih 46 peratus berbanding sektor lain tahun lalu.

Empat syarikat
Laporan berkenaan mendedahkan pada tahun berkenaan, industri perbankan dan kewangan yang terlibat dalam kebocoran 313 juta data peribadi atau 46.9 peratus daripada jumlah kebocoran data peribadi.

Kumpulan InfoWatch terdiri daripada empat syarikat dalam industri keselamatan maklumat iaitu InfoWatch (perisian pencegahan kebocoran data), Kribrum (pemantauan dan analisis media sosial bagi tujuan pengurusan reputasi dalam talian), EgoSecure (perisian sekuriti titik akhir) dan ApperCut (analisis kod sumber aplikasi perniagaan).

Dengan lebih 10 tahun pengalaman dan kepakaran luas dalam pembangunan perisian, kumpulan itu komited dalam menjadi pembekal produk sekuriti teknologi maklumat (IT) terkemuka untuk perniagaan, yang membekalkan pelanggannya dengan teknologi dan perkhidmatan bertaraf dunia.

Andrey Sokurenko, Pengarah Pembangunan Perniagaan InfoWatch

Empat syarikat
Laporan berkenaan mende-

Source – Berita Harian, April 26, 2015